





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

PENGENALAN E-ADVERTISEMENT SSM

INISIATIF
1



Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kos pematuhan dan meringankan beban Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang akan melaksanakan penggulungan sukarela.

Dengan perkhidmatan ini, PLT yang ingin melaksanakan penggulungan sukarela kini boleh mengiklankan notis secara dalam talian dengan kos lebih rendah iaitu RM500 di laman sesawang SSM.





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

PENGURANGAN KOMPAUN 95% DAN PENGURANGAN FI E-ADVERTISEMENT SSM

INISIATIF

2

95 %

Pengurangan Kompaun

Sehingga 30 September 2025

SSM menawarkan **pengurangan kompaun** sehingga 95% dan pengurangan fi e-Advertisement SSM kepada Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang layak sehingga 30 September 2025. Inisiatif ini memudahkan permohonan penggulungan sukarela di bawah Seksyen 50 Akta PLT 2012, khusus bagi PLT yang tidak lagi beroperasi dan ingin menamatkan perniagaan secara sah. Kriteria yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- Tiada keperluan untuk mengemaskini perakuan tahunan;
- Pengurangan 95% ke atas kompaun yang dikenakan;
- Pengurangan fi e-Advertisement daripada RM500 kepada RM100 bagi setiap permohonan jika pemohon memilih untuk iklan diterbitkan melalui perkhidmatan e-Advertisement SSM;
- Suatu notis bertulis daripada Lembaga Hasil dalam Negeri yang menyatakan bahawa ia tiada bantahan terhadap Pendaftar untuk membuat perisyiharan pembubaran bagi PLT;
- Suatu salinan notis yang dihantar kepada semua pekongsi di bawah Seksyen 50(4) Akta PLT 2012 (Notis kepada pekongsi-pekongsi dan bukti penerimaan resit/ pos berdaftar);
- Salinan penerbitan iklan di dalam surat khabar (contoh: Iklan dalam akhbar Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) atau salinan iklan dari e-Advertisement SSM; dan
- Surat akuan berkanun di bawah seksyen 50(3) Akta PLT 2012.





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 90% DARIPADA NILAI ASAL KOMPAUN BAGI KESALAHAN LAZIM DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965 (AS 1965), AKTA SYARIKAT 2016 (AS 2016) & AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 (APLT 2012)

INISIATIF
3

90 %

Pengurangan Kompaun
Sehingga 30 September 2025

Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan membantu syarikat mematuhi keperluan tadbir urus, selain meningkatkan kecekapan operasi. Pengurangan kompaun ini ditawarkan bagi kesalahan-kesalahan lazim berikut:

Kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965/2016

- (a) Seksyen 68(1) AS 2016 - Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan;
- (b) Seksyen 248(1) AS 2016 - Gagal menyediakan Penyata Kewangan;
- (c) Seksyen 258(1) AS 2016 - Gagal mengedarkan Penyata Kewangan;
- (d) Seksyen 259(1) AS 2016 - Gagal menyerahsimpan Penyata Kewangan;
- (e) Seksyen 340(1) AS 2016 - Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (bagi syarikat awam);
- (f) Seksyen 143(1) AS 1965 - Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan;
- (g) Seksyen 165(4) AS 1965 - Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan; dan
- (h) Seksyen 169(1) AS 1965 - Gagal membentangkan Penyata Kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

Kesalahan lazim di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

- (a) Seksyen 68 (2) APLT 2012 - Gagal menyerah simpan Perakuan Tahunan bagi setiap tahun kewangan; dan
- (b) Seksyen 68 (3) APLT 2012 - Gagal menyerah simpan Perakuan Tahunan pertama dari tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad.





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

PENGURANGAN KOMPAUN 95% KEPADA SYARIKAT BERSTATUS DORMAN DI BAWAH SEKSYEN 550 AKTA SYARIKAT 2016

INISIATIF
4

95%

Pengurangan Kompaun
Sehingga 30 September 2025

Kriteria yang perlu dipatuhi oleh pemohon yang ingin menikmati inisiatif ini adalah seperti berikut :

- (a) Tiada keperluan untuk mengemukakan resolusi pemegang saham;
- (b) Syarikat tidak mempunyai aset dan liabiliti pada masa permohonan dibuat;
- (c) Syarikat hendaklah melampirkan akaun pengurusan yang terkini ; dan
- (d) Syarikat yang memohon adalah bukan syarikat pemaju perumahan (*a property developer*). Syarat ini diperkenalkan kerana ianya tidak sesuai untuk permohonan daripada syarikat pemaju perumahan yang masih lagi perlu menguruskan pemindahan hak milik harta tanah kepada pembeli.





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

MENERUSKAN PELAKSANAAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA (SPPP)

INISIATIF
5



SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA

Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) kepada usahawan daripada kumpulan B40, pelajar sepenuh masa institusi pengajian tinggi serta pasangan kepada usahawan B40.

Skim ini menawarkan **pengecualian fi pendaftaran** bagi tahun pertama sebanyak RM30 setahun bagi perniagaan milikan tunggal yang menggunakan nama sendiri seperti dalam kad pengenalan atau RM60 setahun bagi pendaftaran menggunakan nama tred serta RM10 bagi cetakan maklumat perniagaan.

Pelaksanaan SPPP ini bukan sahaja membuka ruang kepada masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan secara sah, malah turut menyokong usaha mereka menjadikan keusahawanan sebagai sumber pendapatan utama atau alternatif yang berdaya maju.





INISIATIF-INISIATIF SSM 2025

PERKUKUH EKOSISTEM PERNIAGAAN, TINGKATKAN PEMATUHAN KORPORAT

MENERUSKAN PELAKSANAAN SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

INISIATIF
6



Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) diteruskan bagi memberi peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menceburi bidang perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Skim ini menawarkan **pengecualian fi pendaftaran** sebanyak RM30 setahun bagi perniagaan milikan tunggal yang menggunakan nama sendiri seperti dalam kad pengenalan atau RM60 setahun bagi pendaftaran menggunakan nama tred serta RM10 bagi cetakan maklumat perniagaan, terhad kepada satu perniagaan bagi setiap OKU.

